



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**KURSUS : PRINSIP PENGURUSAN**  
**KOD KURSUS : DSM1013**  
**PEPERIKSAAN : APRIL 2019**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:

BAHAGIAN A (60 Markah)	
BAHAGIAN B (40 Markah)	
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak termasuk muka hadapan*

O

O

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

a. Nyatakan **empat (4)** kepentingan pengurusan.

(4 markah)

b. Jelaskan **tiga (3)** kemahiran pengurusan.

(6 markah)

**SOALAN 2**

a. Nyatakan **empat (4)** evolusi pengurusan.

(4 markah)

b. Terangkan **tiga (3)** pendekatan perspektif kuantitatif.

(6 markah)

**SOALAN 3**

Jelaskan **lima (5)** prinsip pengawalan yang berkesan.

(10 markah)

**SOALAN 4**

a. Senaraikan **empat (4)** kepentingan perancangan.

(4 markah)

b. Jelaskan **tiga (3)** jenis perancangan kekal atau sedia ada.

(6 markah)

**SOALAN 5**

a. Jelaskan dua (2) jenis keputusan berserta contoh.

(6 markah)

b. Jelaskan dua (2) jenis penjabatanan.

(4 markah)

**SOALAN 6**

a. Senaraikan empat (4) proses kawalan.

(4 markah)

b. Huraikan tiga (3) jenis kawalan.

(6 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan, jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Motivasi ditakrifkan sebagai rangsangan dalaman sebagai pencetus semangat, iaitu penggerak kepada kelakuan untuk membangkitkan tindakan yang berpunca daripada satu imej atau beberapa motif.

- a. Dengan bantuan rajah Hierarki Keperluan Maslow, huraikan tentang keperluan bermula keperluan yang paling rendah hingga keperluan yang paling tinggi.

(12 markah)

- b. Terangkan **empat (4)** perbezaan Teori X dan Teori Y.

(8 markah)

**SOALAN 2**

Sesuatu yang menarik dalam kepimpinan adalah kewujudan pemimpin yang berada dalam organisasi yang mempunyai struktur yang tersendiri dengan mewujudkan hubungan pemimpin dan pengikut bagi mencapai kecemerlangan. Pencapaian yang cemerlang dalam sesuatu organisasi memerlukan langkah-langkah atau aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh pemimpin bagi mendorong pengikutnya bergerak ke arah kecemerlangan organisasi.

- a. Bincangkan teori grid pengurusan oleh Blake dan Mouton.

(10 markah)

- b. Terangkan **lima (5)** kepentingan kepimpinan.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Komunikasi merupakan perkara yang amat penting di dalam sesebuah organisasi. Fungsi dan aktiviti para pengurus tidak akan berjalan dengan baik jika tiada komunikasi yang berkesan. Matlamat organisasi juga mungkin tidak akan tercapai jika komunikasi di dalam organisasi tidak berkesan.

a. Huraikan dua (2) jenis komunikasi.

(4 markah)

b. Dengan bantuan rajah, bincangkan proses komunikasi.

(16 markah)



**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**





O

O